



## **Kementerian Wilayah Persekutuan**

### **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR**  
**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PROGRAM KOMUNITI CERIA  
TABUNG PENYELENGGARAAN 1WILAYAH (TP1W)  
& PROGRAM KHAS MENGECHAT**

**24 MAC 2018 (SABTU)**  
**BLOK A, TAMAN MELATI, WANGSA MAJU**  
**WP KUALA LUMPUR**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Salutasi**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera**

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya merafakkan setinggi-tinggi rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin, rahmat dan kurniaNya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program Komuniti Ceria - Tabung Penyelenggaraan Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir, serta penghargaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan, dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Pusat Khidmat Masyarakat Wangsa Maju yang telah menggembung tenaga bagi menjayakan program kita pada pagi ini.
3. Untuk makluman semua, sepanjang pentadbiran Kerajaan di bumi Malaysia yang bertuah lagi makmur ini, Kerajaan telah berusaha gigih dalam menyalurkan pelbagai bentuk bantuan dan inisiatif kepada rakyat. Ini direalisasikan melalui pelaksanaan pelbagai

program dan projek pembangunan, dalam usaha meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat, tidak kira di bandar maupun di luar bandar.

4. Tindakan yang sama dilakukan di Wilayah Persekutuan, di mana pelbagai program mensejahterakan rakyat telah diilham dan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan. Antaranya ialah Program Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat.

## **TABUNG PENYELENGGARAAN 1WILAYAH (TP1W) & PROGRAM KHAS MENGECHAT**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

5. Kedua-dua program ini dikhurusukan untuk menambah baik serta membaik pulih kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam DBKL (PA DBKL), perumahan kos rendah dan sederhana rendah swasta, masjid serta ibu pejabat dan kuarters polis di Wilayah Persekutuan supaya menjadi lebih ceria, kondusif serta selesa untuk didiami. Rumah-rumah yang rosak akan dibaiki, yang dindingnya usang dan pudar juga telah dicat semula. Kesemua ini adalah **100% ditanggung oleh Kerajaan**, melambangkan usaha murni dan salah satu bentuk sumbangan Kerajaan kepada rakyat.
6. Dalam **Program Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP1W)**, pelaksanaan penyelenggaraan perumahan menumpukan kepada

skop kerja kritikal; antaranya baik pulih lif, menggantikan tangki air, membaiki bumbung, pendawaian elektrik dan banyak lagi.

7. Setakat ini, permohonan yang melibatkan 18 buah projek di sekitar Kuala Lumpur telahpun diluluskan, berjumlah RM22.63 juta. Daripada permohonan tersebut, empat (4) projek telah dilaksanakan pada tahun 2017, dan selebihnya sebanyak 14 projek akan diteruskan pelaksanaannya pada 2018. Walaupun pengurusan perumahan kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta adalah di bawah tanggungjawab *Management Community (MC)/Joint Management Body (JMB)*, namun Kerajaan tetap mengambil inisiatif dan menyalurkan bantuan demi mensejahterakan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
8. Melalui Program Khas Mengecat pula, sebanyak 65 kawasan telah dicat semula pada tahun 2017 dan 20 kawasan lagi pada tahun 2018, dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM195.7juta. Saya berharap melalui program seumpama ini, dapat mentransformasi kawasan-kawasan di Wilayah Persekutuan menjadi lebih ceria, menarik dan selesa untuk didiami.

## **INISIATIF KWP DALAM MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

9. Selain daripada Tabung Penyelenggaraan Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat, terdapat banyak lagi inisiatif oleh Kerajaan, melalui Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah dilaksanakan, khususnya dalam menangani isu kos sara hidup dan mengurangkan beban rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah.
10. Antara inisiatif yang ditawarkan adalah seperti program **Kad Ceria**, di mana pengguna Kad Ceria di Wilayah Persekutuan boleh mendapatkan diskaun sehingga 70% untuk pembelian barang keperluan harian ataupun perkhidmatan terpilih. Oleh itu, tuan/puan rebutlah peluang ini dan berbelanja secara lebih bijak dan berhemah melalui Kad Ceria yang boleh didapatkan di Pusat Khidmat Masyarakat parlimen masing-masing. Untuk makluman, semakan lokasi pengambilan Kad Ceria boleh dibuat di laman sesawang Kementerian Wilayah Persekutuan pada pautan <http://kadceria.kwp.gov.my>.
11. Kerajaan juga prihatin tentang kemudahan kepada anak-anak PPR/PA, melalui penyediaan bas sekolah percuma kepada penduduk PPR dan PA DBKL. Program ini telah memberi manfaat kepada 8,756 orang pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dengan kemudahan ini, diharap dapat menyuntik semangat kepada para pelajar, anak-anak PPR/PA ini untuk hadir ke

sekolah, sekaligus dapat meringankan kos perbelanjaan ibu bapa mereka.

12. Bagi menangani isu kenaikan harga rumah pula, Kerajaan juga mengambil inisiatif menawarkan pembelian unit rumah PPR dan PA DBKL kepada para penyewa, pada harga mampu milik, iaitu sekitar RM21,500 sehingga RM42,000 sahaja. Usaha ini digarap bagi membolehkan para penyewa memiliki kediaman sendiri.
13. Selain itu, bagi golongan miskin tegar pula, Kementerian Wilayah Persekutuan turut melaksanakan Program Baiti Jannati secara berperingkat. Melalui program ini, golongan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem e-kasih, baitulmal Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pusat Khidmat Masyarakat berpeluang memiliki rumah sendiri secara percuma tanpa perlu lagi menyewa. Tambahan pula, kediaman yang disediakan mampu meningkatkan kualiti hidup menerusi rumah yang lebih selesa dan mempunyai kelengkapan asas seperti perabot dan peralatan elektrik.

## **INISIATIF MENSEJAHTERAKAN RAKYAT WILAYAH PERSEKUTUAN DI PARLIMEN WANGSA MAJU**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

14. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh itu, pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat sentiasa

dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang terbaik daripada pihak kerajaan.

15. Sempena Program Komuniti Ceria - Tabung Penyelenggaraan Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat ini, sukacita saya ingin memberi perkhabaran gembira kepada warga Wilayah Persekutuan. Di sini, saya ingin mengumumkan bahawa permohonan penyelenggaraan bagi tahun 2018 daripada lima (5) kawasan parlimen, termasuk di Taman Melati, Parlimen Wangsa Maju, di bawah program TP1W telahpun diluluskan dan akan dilaksanakan mulai tahun 2018. Ini akan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan bumbung, lif, tangga/*handrail*, pagar, baik pulih tangki air dan kerosakan am lain. Diharap melalui pelaksanaan projek ini, masalah kerosakan serta kebocoran bumbung dan lain-lain dapat diselesaikan.
  
16. Selain daripada itu, projek cadangan tempat letak kenderaan di PPR Gombak Setia akan dilaksanakan. Projek ini melibatkan pembinaan tempat letak kenderaan *steel structure* dua (2) tingkat, yang mampu memuatkan sebanyak 90 buah petak parkir. Kemudahan ini akan menyelesaikan masalah kekurangan petak parkir yang dihadapi oleh penghuni di kediaman PPR Gombak Setia.

17. Pada Program Komuniti Ceria ini juga, Kerajaan melalui Kementerian Wilayah Persekutuan ingin menzahirkan penghargaan kepada komuniti PPR/PA serta perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah swasta yang telah menyumbang kepada persekitaran kawasan kediaman yang lebih ceria serta penglibatan komuniti yang aktif melalui dua (2) anugerah, iaitu **Anugerah Penjagaan Lif Terbaik PPR dan PA**; serta **Anugerah Pengurusan Komuniti Terbaik**. Para pemenang akan menerima hadiah berupa geran penyelenggaraan bagi tujuan memelihara kemudahan serta persekitaran perumahan sedia ada supaya menjadi lebih baik dan mempunyai nilai tambah serta estetikanya yang tersendiri.
18. Apapun saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh komuniti PPR/PA serta perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah swasta di Kuala Lumpur ini, yang mana turut melibatkan diri dan bekerjasama dalam memastikan persekitaran masing-masing adalah dalam keadaan yang baik.
19. Harapan saya semoga program-program seperti Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat yang sedang dijalankan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ini dapat menyumbang kepada persekitaran perbandaran yang kondusif selari dengan slogan **Wilayah Ceria, Rakyat Sejahtera**.

## **PENUTUP**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

20. Saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur program pada hari ini, wakil-wakil Kementerian, DBKL, semua pemimpin masyarakat setempat dan yang paling utama, penduduk di Parlimen Wangsa Maju dan parlimen-parlimen lain yang telah hadir memberikan sokongan, juga komitmen dalam menjayakan program pada hari ini.
21. Dengan lafaz Bismillahirahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Program Komuniti Ceria – Tabung Penyelenggaraan 1Wilayah (TP1W) dan Program Khas Mengecat**. Sekian, Wabillahi Taufik Wal hidayah, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.